

Hadi sifatkan Bahasa Inggeris 'penjajahan' bahasa'

UM 17 JUN 2002

KUALA TERENGGANU
16 Jun — Menteri Besar,
Datuk Seri Abdul Hadi
Awang menyifatkan tinda-
kan melaksanakan penga-
jaran mata pelajaran Sains
dan Matematik dalam ba-
hasa Inggeris di sekolah
rendah dan menengah se-
cara serentak mulai tahun
depan sebagai usaha me-
ngekalkan 'penjajahan' ter-
hadap bahasa dan budaya.

Menurut beliau, usaha
meningkatkan penguasaan
bahasa Inggeris walaupun
penting, tidak seharusnya
dilakukan sehingga dilihat
sebagai mengeneipikan ser-
ta merendahkan bahasa
Melayu.

"Perlunya meningkatkan
penguasaan bahasa Ingge-
ris adalah perkara yang
tidak dinafikan tetapi jang-
an sampai merendahkan
bahasa Melayu.

"Kita melihat bangsa
Jerman dan Jepun yang ka-
lah teruk dalam Perang
Dunia Kedua bangkit seba-
gai kuasa besar ekonomi
dan teknologi dengan tidak
meninggalkan bahasa me-
reka sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian
sebagai mengulas kenyata-
an Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moha-
mad dalam wawancara
yang disiarkan oleh *Ming-
guan Malaysia* hari ini.

Dalam wawancara itu,
Dr. Mahathir berkata, la-
ngkah melaksanakan seca-
ra serentak itu perlu diam-
bil memandangkan kesan
pengajaran bahasa Ingge-
ris dalam dua subjek berke-
naan jika bermula pada ta-
hun satu sahaja, akan me-
ngambil masa 11 tahun
untuk menampakkan ha-
silnya.

Mengulas lanjut, Abdul
Hadi menegaskan bahawa
Presiden Korea Selatan
dan Perdana Menteri Je-
pun memberi ucapan da-
lam bahasa sendiri semasa
majlis perasmian pertan-
dingan Bola Sepak Piala
Dunia.

Sikap itu, katanya, me-
nunjukkan pemimpin nega-
ra berkenaan menyanjung
tinggi bahasa mereka mes-
kipun pada majlis pering-
kat antarabangsa.